



## kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

# Gadis buntu kekasih merajuk

*Jejaka salah anggap gurauan abang angkat ingin masuk meminang*

### SOALAN:

SAYA menyayangi seseorang yang saya namakan M. Hubungan kami sudah dua tahun. Sepanjang perhubungan, kami tidak pernah bergaduh dan saya ikhlas sayangkan M dan menerima dia seadanya. Tapi entah kenapa badai melanda dan menguji cinta saya terhadapnya. Abang angkat menyukai saya dan ingin masuk meminang. Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

Apabila saya luahkan rasa hati pada M, dia terus berubah. Saya jadi takut kehilangannya.

M banyak mengelakkan diri. Saya mahukan penjelasan. Akhirnya abang angkat saya jujur mengatakan dia hanya menguji sedangkan orang yang saya sayang mulai berubah.

Apabila bertemu dengan M, sikapnya mengecewakan. Apabila saya memandangnya, dia memandang ke tempat lain. Apabila saya buat-buat tidak pandang, M tatap wajah saya.

Saya tidak tahu mengapa perkara yang tidak benar (abang angkat meminang) harus diperbesarkan. Selepas terjadinya peristiwa abang angkat ingin meminang itu, M katakan dia

sayangkan saya.

Saya ingatkan semuanya sudah berakhir tetapi kini M seolah-olah mengelakkan diri. Saya dalam dilema.

Bingung,  
Sabah

### Jawapan

**BADAI** percintaan sebenarnya dapat menduga setakat mana kukuhnya tali percintaan. Ketika inilah kita dapat mengetahui kisah cinta kita yang sebenarnya, sama ada cinta itu rapuh atau kukuh. Sikap adik yang memberanikan diri berterus terang meluahkan perasaan

kepada M sekurang-kurangnya merungkai misteri hubungan dua tahun anda berdua.

M kini tahu memang adik mencintainya. Jika M benar-benar ikhlas dalam percintaan, dia pasti mempertahankan cinta itu dalam apa keadaan sekali pun.

Dalam konteks M, dia mungkin juga berasakan orang yang disayangi kini ingin dimiliki teruna lain. Ini satu saingan baginya dan dia masih tercaari-cai apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan. Apabila bercinta, soal kecil pun boleh menjadi

besar. Pujangga pernah berkata: "Orang yang menulis surat cinta itu kurus dan orang yang membacanya gemuk." Cinta juga tidak mempunyai undang-undang dan tiada soal kecil atau besar. Mengelakkan diri satu cara mengurangkan rasa sakit apabila orang yang dicintai dirasakan mempunyai pilihan lain.

Cinta boleh tumbuh dalam madu dan racun. Justeru, berikan sedikit ruang dan masa untuk M melihat peristiwa adik dipinang dan di mana kedudukan dia dalam hidup adik. Pada waktu sama, jika

adik benar-benar mencintainya, bersama-samalah M untuk mencari erti cinta sebenar kerana cinta tidak pernah meminta, ia sentiasa memberi.

Cinta M terhadap adik pasti datang jika dia dapat mencari jawapan sebenar daripada peristiwa adik dipinang serta bagaimana setianya adik kepadanya. Sekiranya M masih tidak lagi menemui cinta adik terhadap dirinya dalam jangka masa lama, ternyata dia bukan jodoh adik. Cinta tidak selalu bersama jodoh tetapi jodoh selalu bersama cinta.

## Terjebak cinta isteri orang

### Soalan

SAYA berusia awal 20-an namun terjebak bercinta dengan isteri orang berumur 34 tahun dan mempunyai seorang anak. Awalnya, perkenalan kami hanyalah kawan biasa. Oleh kerana saya terlalu mengambil berat mengenai dirinya, dia jatuh cinta dengan saya.

Apatah lagi ketika itu dia menghadapi masalah rumah tangga dengan suaminya. Saya tidak nafikan turut mempunyai perasaan sama kepadanya walaupun mengetahui ia tidak sepatut berlaku.

Saya memutuskan untuk tidak berhubung lagi dengannya. Malangnya, dia tidak dapat menerima dan mencederakan diri kerana terlalu kecewa. Bimbang keadaan itu, saya segera memujuk dan kami kembali berhubung. Alhamdulillah, hubungan kami tidak pernah diselangi dengan perkara terkutuk.

Saya juga sering menasihatinya agar berbincang dengan suaminya mengenai rumah tangga mereka. Saya memang sayangkannya tetapi sedar tidak boleh membiarkan kasih sayangnya terhadap saya melebihi kasih sayang kepada suaminya.

Pada masa sama, saya tahu dia begitu dahagakan kasih sayang. Saya rasa jalan terbaik

adalah tidak berhubung dengannya lagi tapi saya bimbang jika dia akan melakukan tindakan yang akan memudaratkan dirinya.

Saya buntu dan berharap Dr dapat memberikan nasihat serta panduan.

Insan Buntu,  
Terengganu

### Jawapan

**BUTANYA** cinta hingga ia tidak mengenal siapa dan hidup tanpa cinta ibarat taman tidak berbunga. Untuk memudahkan perbincangan, biarlah Dr namakan kekasih adik sebagai T. Jika T menghadapi masalah rumah tangga yang serius, jalan paling selamat adalah menyelesaikan dulu konflik rumah tangganya. Penyelesaian di sini boleh bermakna, rumah tangga T aman kembali atau berlaku perpisahan.

Kehadiran adik dalam hidup T digunakan untuk mengisi ruang kosong yang ditinggalkan suami yang dirasakan tidak memberikannya sinar kebahagiaan. Menjadikan adik sebagai tempat T bersandar harapan dan mengesat air mata mungkin hanya sebagai ubat mujarab dalam waktu sekejap. Dalam jangka masa panjang, ia akan lebih mendedahkan banyak penderitaan.

Jiwa sedih T akibat konflik rumah tangganya memang tidak dinafikan tapi siapa sebenarnya adik dalam drama cinta ini? Sehingga sekarang, T masih memiliki suaminya dan kekasih gelapnya iaitu adik. Daripada apa yang adik nyatakan, Dr tidak melihat adanya usaha yang kuat daripada T untuk membuat pilihan sama ada suaminya atau adik.

Masalah rumah tangga dengan suaminya sudah dilihat tidak penting seperti hubungan adik dengannya. Isu konflik hidup T kini sudah bertambah iaitu daripada masalah rumah tangganya kepada tidak mahu kehilangan adik.

Perbuatan T mencederakan dirinya adalah satu senjata untuk memujuk adik balik ke pangkuannya. Secara psikologinya, T berjaya menggunakan psikologi kebimbangan dan ketakutan adik untuk memenuhi kepentingan dirinya dan memastikan adik tidak lari daripadanya. Cinta yang dikaitkan dengan kepentingan peribadi akan berubah menjadi putus asa. Setiap individu bertanggungjawab terhadap dirinya. Ini bermakna tindakan T adalah tanggungjawabnya sendiri.